

18/02/2000

Syarikat penghantar fret disaran bergabung

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan syarikat pembekal perkhidmatan penghantaran fret tempatan bergabung supaya menjadi syarikat bermodal besar untuk menyediakan perkhidmatan bersepadu dalam perniagaan pengangkutan laut, darat dan udara.

Perdana Menteri berkata, langkah itu perlu bagi menghadapi cabaran masa depan supaya mereka muncul sebagai penyedia logistik secara menyeluruh.

Buat masa ini, katanya, penggabungan syarikat perkapalan dan penghantar barangan darat sedang diusahakan bagi mengukuhkan sumber serta operasi mereka dengan sokongan penuh kerajaan.

"Syarikat penghantaran fret tempatan bukan saja perlu mengikut jejak langkah itu, malah menimbangkan untuk bekerjasama dengan mereka supaya menjadi sebuah syarikat pelbagai modal atau penyedia logistik sepenuhnya yang menghubungkan perniagaan kargo di darat, laut dan udara.

"Satu lagi perkembangan ketara lain yang mungkin boleh memberi impak kepada industri adalah penggabungan bahagian kargo syarikat penerbangan.

"Walaupun program penggabungan membabitkan jumlah syarikat penerbangan yang sangat terhad, manfaat daripada kerjasama seumpama itu boleh merangsang syarikat penerbangan lain untuk memulakan program yang sama," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika merasmikan persidangan pengangkutan udara 2000 di Seri Kembangan, dekat sini hari ini. Ini adalah kali pertama sidang dua tahun sekali itu diadakan di Asia dengan Penerbangan Malaysia (MAS) menerusi anak syarikatnya, MASKargo, menjadi penaja utama.

Seramai 300 wakil menghadiri persidangan tiga hari itu. Pameran yang disertai 45 syarikat penerbangan serantau turut diadakan di The Palace of Golden Horses.

Dr Mahathir berkata, untuk maju dalam abad ke-21, ejen penghantaran dan syarikat penerbangan tidak lagi hanya terbabit dalam operasi pengangkutan kargo tetapi menawarkan pakej perkhidmatan yang menyeluruh membabitkan gudang dan pengurusan inventori barangan selain perkhidmatan penghantaran dari pintu ke pintu.

Beliau berkata, dengan berkembangnya perniagaan, syarikat penerbangan dan ejen pengangkutan mungkin perlu mencari rakan kongsi strategik dalam rangkaian pengangkutan dan logistik yang membuka ruang kepada penggabungan dalam industri pengangkutan udara termasuk pengusaha bukan tradisi.

"Jika keadaan itu berlaku, adalah tepat dan relevan bagi masyarakat pengangkutan bekerja bersama-sama untuk menggabungkan sumber dan operasi," katanya.

Langkah seumpama itu katanya, adalah tepat pada masanya kerana industri itu dijangka berhadapan dengan perubahan pesat hasil peningkatan globalisasi dan liberalisasi dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Oleh itu kata beliau, adalah tidak mengejutkan jika dalam masa terdekat ini, dua syarikat penerbangan utama dunia mengumpul dan berkongsi sumber mereka bagi bersaing lebih efektif dengan syarikat seperti Federal Express, DHL dan United Parcel Service, yang berkembang daripada syarikat penghantar surat kepada pengasas perkhidmatan kargo udara bersepadu.

Katanya, malah industri kargo udara dijangka menyaksikan persaingan lebih sengit antara syarikat penerbangan tradisi dengan syarikat gabungan apabila mereka berubah menjadi penyedia perkhidmatan logistik sepenuhnya.

Dr Mahathir juga memuji program pengembangan Penerbangan Malaysia yang membolehkan anak syarikat kargonya, MASKargo, bertukar menjadi penyedia

perkhidmatan logistik sepenuhnya.

Program itu termasuk pengenalan pusat kegiatan kargo di pasaran utama dan menghubungkannya dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang untuk membentuk rangkaian logistik baru serta menjalin perkongsian strategik dengan syarikat penerbangan, penyedia perkhidmatan logistik dan syarikat trak.

"Selain itu, MASKargo juga berjaya menggandakan kapasiti muatannya dengan menambahkan jumlah kapal daripada dua kepada lima pesawat pengangkut B747 pada November tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, MAS mengunjurkan jumlah pesawat MASKargo akan meningkat tiga kali ganda kepada 14 pesawat B747 menjelang 2003 atau 2004, yang dapat memenuhi keperluan kapasiti kargo di KLIA.

(END)